

---

# WIRA BUKIT

---

DRAMA TIGA BABAK

(A. SAMAD SAID)



*[Handwritten signature]*

Jakarta, 14<sup>3</sup> Februari 1986

Wira  
Bukit



*Nasirah*  
A. Samat Sardi

*Agamengid*

A. Samat Sardi

# WIRA BUKIT

(drama tiga babak)

A. Samad Said

(Bahagian Pertama)

Para Pelaku:

NIRAH  
BANDIN  
ADNAN  
CANDEI  
NASRUN  
LOTOH  
MUSIR  
RAZIF  
ZAHDI



## BABAK PERTAMA

**P**ENTAS: Pentasnya terbahagi kepada dua tingkat. Di tingkat pertama sebelah kiri ternampak hanya sebahagian balai raya sederhana di sisi jeti pangkalan bot dan perahu. Di tingkat kedua di sebelah kanan ternampak dua batang pokok yang menyarakan di atas bukit. Ada sebuah bangku panjang yang usang.

Dalam balai raya terdapat sebuah meja panjang buruk, tetapi kukuh, berhampiran dinding dengan lima buah kerusi – dua daripadanya berlainan bentuk – terletak tidak teratur. Pada satu bahagian dinding tersebut tersusun beberapa biji botol minuman kosong, termasuk dua bekas minuman tin. Di sebelah kiri dinding tertampal cebisan gambar penyanyi dan seniwati tahun tujuh puluhan. Berhampirannya pula tertampal poster pilihanraya yang sudah lusuh dan carik. Sebuah papan hitam terletak berhampiran pintu. Di atas meja terbiar beberapa helai akhbar dan dua tiga majalah usang. Dari atas bumbung tergantung lampu gas. Jauh di hadapan meja tersusun selonggok akhbar buruk.

**WAKTU:** Pagi

**KETIKA** tirai dibuka, NIRAH, berusia sekitar awal empat puluhan, berbaju kurung hijau, bertudung kepala

sedikit, sedang berdiri menghadap tingkap – sepi dan tersedu. Dia mengesat matanya dua tiga kali. Di hadapannya BANDIN, berusia sekitar akhir lima puluhan, agak sasa, bersongkok, berkemeja tentera lusuh, berdiri di belakang sebuah kerusi. ADNAN, berusia sekitar pertengahan empat puluhan, berkemeja tangan pendek biru, sedang duduk di sebelah CANDEI, yang berusia awal enam puluhan, berkemeja tangan panjang dan bersweater merah tua.

**BANDIN:** (memandang NIRAH, kemudian memandang ADNAN dan CANDEI, seolah-olah meminta bantuan): Begini saja, Nirah. Kau sudah dewasa, terlalu dewasa, sudah lama berdiri sendiri. Kau...kaukuat. Kaupilihlah caranya. Kami...aku atau CandeI tak berhak membuat keputusan atau pilihan sebegitu untuk sesiapa pun seumurmu, lebih-lebih lagi untukmu. (*Teragak*). Er...kerana...kerana kau dewasa, kau berfikir, kau menimbang, kau bertindak. Kau...kau berhak, dan kau boleh. Lagi pula soal ini amat peribadi. (*Terhenti, memandang NIRAH sungguh-sungguh*). Cuma ingat...ingat selalu cuba waras, tenang, bersabar. Kau akan dilindungi. Di...diarestui.

(NIRAH tunduk, menahan sesuatu yang sebak, sedia hendak keluar). O, ya Nirah. Kalau kau tak keberatan, tolong...tolong habiskan taip risalahku itu. Biar kusemak betul-betul sekali lagi. Itu saja barangkali peninggalanku nanti. (NIRAH mengangguk, keluar. Pentas sepi seketika. Terdengar bunyi bot lalu sayup-sayup).

CANDEI: Dia...dia luka.

BANDIN: (menggeleng-geleng) Semakin aku melihatnya, semakin aku luka. Dia terlalu dekat. Dia besar di hadapanku, derita di hadapanku. Aku...aku kurang faham.

CANDEI: Aku kira...aku percaya tak ada lagi perempuan jenisnya. Terlalu hormat kepada kesetiaan, terlalu yakin kepada harapan.

BANDIN: Kautahu, Cande, perempuan itu ada kecekalan, kekuatan. Bersungguh-sungguh benar dia mempertahankan kemurnian erti kata-kata kesetiaan. Tidak ada tolak bahagi. Dia...dia hadapi apa saja untuknya. (Bergerak sambil menggeleng-geleng, berhenti, meregang kerusi di hadapannya). Dari dirinya terhindar, dia melawan tak kalah-kalah untuk akhirnya diterima. Terlalu banyak...terlalu banyak yang telah terambil dari usia dan kehidupannya. Dan memang kata-kata kesetiaan itu mempunyai erti yang amat murni dan amat jati baginya...

ADNAN: Dia disesihkan oleh kesetiaan.

CANDEI: Memang tak ada perempuan jenisnya lagi di desa ini. Barangkali...barangkali tak ada jenisnya di seluruh negeri ini.

BANDIN: Kautahu, satu ketika aku pernah bertanya dia...ya, aku bertanya dia mengapa mesti dia begitu jujur. Kataku, sikap itu, pegangan demikian, mengorbankannya. (Seperti tiba-tiba tersedarkan sesuatu, dia mengurut-ngurut kelopak matanya, mendongak ke atas). Maafkan aku, Tuhan. (Terhenti beberapa ketika). Aku tanya...aku tanya mengapa dia mesti begitu jujur. Kataku, pegangan itu, sikap itu, telah merampas hampir segala-gala darinya: masa remajanya, sebahagian besar umur pentingnya — kedua-duanya tidak boleh ditagih semula. (Dia beredar lagi). Kau...kau tahu apa jawabnya? (Menggeleng-geleng). Katanya... (Tersenyum dan menggeleng)...katanya: 'Saya tak rugi atau kehilangan apa-apa pun.' Katanya, dia merasa puas, terisi, bermakna. Begitu mudah saja. Begitulusus, dan tegas.

ADNAN: Saya...saya juga pernah bertanya mengapa dia perlu setia menunggu seorang jantan yang ternyata memusnahkan masa remajanya — sesuatu... sesuatu yang tak akan terulang semula. Kata saya: 'Zahdi tiada'. Kata saya: 'Zahdi khianat, Zahdi tiada'. Nirah tenang saja. Katanya: 'ketakwujudan seseorang tak mesti bererti dia tidak jujur'. Saya tahu...saya tahu itu hanya sekadar tirai. Itu memang bukan jawapan. Saya tahu dia benar-benar luka. Saya...saya sengaja menduga...menguji. Saya kata dari kehilangannya itu

ternyata Zahdi benar-benar curang. Nirah memandang seperti marah. (Terdiam agak lama).

CANDEI: Apa jawabnya?

ADNAN: Hmmm?

CANDEI: Apa jawabnya?

ADNAN: O! Jawabnya...O, ya, jawabnya. Katanya, kalau bukan kejujuran menjadi dasar hidup seseorang, apa pula yang lebih waras dan mulia dari itu? Katanya, seluruh peribadi seseorang berdiri di situ. Saya tahu dia pintar, tapi...saya tahu dia sengaja berlindung. Dia tidak pintar berlindung. (Dia bangun lesu, berjalan menghampiri timbunan akhbar, terhenti). Kita tahu sendiri dia...dia pernah histeria beberapa waktu awal ketika berlaku kecelakaan itu dulu. (Menggeleng-geleng). Mengapa...mengapa Zahdi mesti pulang? (Berjalan resah semula ke kerusinya). Mengapa sekarang dia mesti pulang!

BANDIN (Lesu): Kau masih berdarah lagi rupa-rupanya. Ini 'kan kampung halamannya? Tempat ibu bapanya, tempat tumpah darahnya. (Berhenti, memandang ADNAN tepat). Dia berhak pulang, walaupun ibu bapanya tak ada lagi di sini. Dia...dia benih di sini.

ADNAN: Dia lebih banyak meninggalkan kampung halaman ini — lebih...lebih selesa dan akrab di luar. (Berjalan menghampiri BANDIN). Bang Din tahu berapa pucuk surat saja keluarganya terima dulu? (Memandang BANDIN tepat dengan mata menduga). Lima! 27 tahun.. 27 tahun lima pucuk surat! Dia benih di sini? Benih apa itu? Tak sedikit pun dia terikat di sini. Sesudah mereka pindah pun tak ada suratnya. Untuk teman-temannya sekurang-kurangnya... untuk Pak Cande atau Bang Bandin. Apa...apa haknya di sini?

BANDIN: Kaulupa kehadiran seseorang di sesuatu tempat belum bererti keterikatannya. Manusia umumnya pengembara. Lagi pula pasti ada unsur-unsur lain — rahsia lain. Kau harus belajar itu. Lagi pula setiap orang perlu dan berhak mencari rezeki secarannya sendiri. Ya, ada yang di dalam, ada yang di luar. (Terhenti, meremung ADNAN). Ada yang menetap... dan...dan ada yang mengembara.

ADNAN (marah): Mengapa...mengapa mesti dia pulang? Saya tak fikir dia pergi kerana rezeki.

BANDIN: Memang kau masih berdarah (Menggeleng). Begini Adnan. Masing-masing dengan caranya sendiri-sendiri. Rahsianya sendiri-sendiri. Dan...dan ikatan batin Zahdi terhadap desa kelahirannya tak boleh disangsikan, apalagi dipisahkan. (Memandang ADNAN agak lama sedikit). Zahdi pergi bukan kerana dia menolak kampung halamannya. Aku tahu ini. Cande pun tahu itu. Ancaman sesia yang cuba dielaknya. Dan... dan rezeki, itu yang dicarinya. Ancaman di sini, dia cari rezeki di tempat...

ADNAN (lebih marah): Rezeki? Baru saya tahu rupa-rupanya di sini tak ada rezeki. Ancaman, ancaman! Baru...

baru saya tahu orang tinggalkan buminya bila ada ancaman. Hah! Apa agaknya erti ...erti sungai di sini, bukit di sini, rimba di sini? Apa ertinya semua itu? Itu bukan rezeki? (*Terhenti seketika*). Beribu...beribu manusia telah dibesarkan di sini. Berabad! Sungai, bukit, rimba itu rezeki mereka. Ikan, lada, damar. Beribu...beribu!

**CANDEI** (*memotong dan tenang*): Bila kaudengar dia datang?

**BANDIN**: Hari ini.

**ADNAN**: Tak sedikit pun sebenarnya dia terikat di sini. Sungai, bukit dan rimba di sini seolah-olah tak bererti...

**CANDEI** (*terkejut*): Hari ini? Tapi...

**BANDIN**: Ada...memang ada yang menjumpainya semalam. Tapi, kata Razif, dia 'dah ada di surau sejak Isyak kelmarin. Barangkali dia sudah ada lebih awal dari itu. Razif sudah bercakap dengannya. Dia sem...

**CANDEI**: Jadi...jadi sudah lama tentunya...

**ADNAN** (*marah*): Tak sedikit pun dia terikat di sini.

**CANDEI**: Sudah lama rupanya dia...

**BANDIN**: Razif jumpa kelmarin...

**ADNAN**: Yang lain tak jumpa? Dia manusia ghaib?

**BANDIN** (*memandang ADNAN, menggeleng*): 'Kan malam 'tu ribut? Kita sendiri pun terperangkap — tak sempat ke surau. Aku terperangkap di rumahkau. Ingat? Cuma...cuma Razif dan Lotoh yang ada di surau. Razif yang beritahu; Lotoh — dia tak kenalkan Zahdi.

**ADNAN** (*marah*): Saya harap semua orang tak kenalkan dia.

**BANDIN**: Jangan meledak begitu, Adnan.

**ADNAN** (*menerung BANDIN*): Bang Din tahu dia tak berhak dikenali. Sesudah ditinggalkan begitu lama, desa ini pun sebaik-baiknya tak mengenalnya lagi.

**CANDEI** (*tak menghiraukan ADNAN. Kepada BANDIN*): Memang sudah agak lama dia di sini barangkali...

**ADNAN** (*hampir mengancam*): Dia patut dilupakan langsung!

**BANDIN** (*memandang ADNAN, menjawab kepada CANDEI*): Boleh jadi. Tapi, Razif yang kata dia baru jumpa hanya kelmarin...

**ADNAN** (*masih hangat*): Bang Din tahu apa erti kedatangannya itu?

**BANDIN**: Apa ertinya? Apa ertinya? (*Memandang ADNAN, dia bergerak semula*). Dia tak ganggu aku.

Dulu dia tak ganggu aku, sekarang dia tak ganggu aku, akan datang pun dia tak akan mengganggu aku.

**ADNAN** (*mula duduk di kerusi berhampiran*): Bang Din tahu apa erti sebenarnya?

**CANDEI** (*kepada diri sendiri*): Mengapa...mengapa dia masih bersembunyi juga? (*Mengeleng*). Tapi...tapi dia datang...

**BANDIN**: Kataku dia tak ganggu aku.

**ADNAN**: Dia tak ganggu Bang Din — ya. Tapi macam mana Nirah? Bang Din lihat tadi? Bang Din lihat keterangannya? Kegementarannya. Lukanya.

**CANDEI**: Sengaja agaknya dia tak mahu jumpa aku.

**ADNAN**: Bang Din lihat tadi bagaimana Nirah?

**CANDEI** (*memandang BANDIN*): Perempuan jenis dia sudah tak ada...

**BANDIN**: Nirah sudah dewasa...Dia...dia kuat. Kau...kau yang luka.

**ADNAN**: Nirah tak pernah dewasa. Berapa kali saya mesti ingatkan.

**CANDEI**: Setia, kuat dan dewasa...

**ADNAN**: Betul dia ke madrasah...ke...ke maktab guru. Betul...betul belajar itu, belajar ini, baca itu, baca ini, tau Fansuri, tau Kenali. Tapi...tapi dalam soal ini Nirah tak pernah dewasa. Lihat tadi dia terketar, tergamam. Bukan Bang Din tak tahu itu. (*Memandang CANDEI kemudian BANDIN semula*). Cuba katakan: Bila Nirah pernah dewasa?

**BANDIN**: Kau yang nampaknya tidak dewasa. Kau masih tak terlepas dari penjara peristiwa lama.

**ADNAN**: Nirah terketar.

**BANDIN**: Kau saja yang tak pernah mahu melihatnya dewasa! Kau dengan prasangkamu. Dendammu. Kau masih dipenjara peristiwa lama.

**CANDEI**: Nirah bukan anak-anak lagi. (*Terhenti seketika*). Nirah masih belum yakin Zahdi datang?

**ADNAN** (*menumbuk tapak tangan sendiri*): Biar semua tak tahu... biar dunia...dunia dan seluruh cakerawala yang ada tidak tahu! Bila...bila Nirah pernah dewasa?

**BANDIN** (*memandang ADNAN, mendekati kerusi dan duduk semula*): Itu hanya perbezaan tafsiran. Seperti...seperti aku panggil wap — kaupanggil awan; hmmm... aku panggil tasik — kaupanggil laut. Tapi 'kan semuanya masih tetap air?

**ADNAN**: Tak mahu kahwin hingga sekarang, itu...itu yang dipanggil dewasa? Bang Din, Pak Dei fikir itu dewasa?

**LOTOH:** Dia datang. Dua... dua tiga orang lain datang. Bawa parang....

*(Razif, berkemeja lusuh dan rambut kusut, masuk tergamam juga memandangi Nirah dan Zahdi. Dia memandangi Zahdi dengan pandangan yang ingin menyampaikan sesuatu).*

**NIRAH:** *(Memandangi Zahdi dengan gementar)* Dia memang percaya pak cik kau bunuh isteri dan anaknya.

**RAZIF:** Ya, Musir datang cari kau — nak bunuh kau! Pergi dari sini. Cepat!

**LOTOH:** Dia bawa kapak!

**NIRAH:** Musir dan ayahnya percaya pak cik kau yang membunuh. Ayahnya selalu memegang senapang. Dia terkejut, dia marah mendengar kau ada di sini. Pergilah cepat!

**ZAHDI:** *(Bangun tenang berjalan ke hadapan diikuti oleh Nirah, Razif dan Lotoh yang resah).* Pergi cepat? Kalian itu bawa kapak? Bawa senapang? Persetan! *(Memandangi ke atas).* Aku pernah lari seperti anak goblok di zaman kolonial dulu. Aku sudah bosan lari — lebih-lebih lagi *(memandangi Nirah)* sesudah berada di hadapanmu semula. Aku lari dulu lantaran tak sedia mati konyol — aku ingin melanjutkan perjuangan. Di... di negara merdeka dan bermaruah ini, aku tak akan sedia lari lagi... tidak peduli berapa besar harganya yang harus aku bayar.

**RAZIF:** Kau akan hadapi orang yang penuh dendam. Orang-orang terluka. Orang... orang yang tak akan mudah siuman....

**LOTOH:** Dia bawa parang! Bawa kapak!!

**ZAHDI:** *(Mendekati Nirah)* Aku tak akan membiarkan salah faham, kedongkolan dan dendam ini terus-menerus mengancam hidupku. Aku pernah berdepan dengan soldadu Den Haang, sejak kapan pula aku gementar menghadapi ketakwarasan begini? Sejak kapan pula akan kubiarkan kebodohan dendam ini meracuni hati dan masyarakat di sini? Itu bukan sikap atau semangat warga merdeka. Aku... aku sudah bosan dan jenuh berlari. Aku hadapi risikonya.

**RAZIF:** Musir memang nak membunuh. Ayahnya dah regang senapang — dia juga nak membunuh. Cucunya yang dua tahun mati tertembak di kepala, kau tahu itu, 'kan! Dia... dia tak dapat lupakan itu. Pergi cepat, pergi!

**NIRAH:** Ya, pergi cepat! Jangan jadi wira yang dungu lagi. Pergi!

**ZAHDI:** Tidak Nirah, tidak. Sampai kapan aku mesti lari, hah? Aku... aku memang sudah jenuh berlari. Dari satu kesesiaan aku tidak mahu ke satu kesesiaan yang lain. Sudah patut aku berakar semula. Berakar di sini. Aku mahu berdiri di atas bukit ini dengan rasa penuh

yakin. Megah. Ingin melihat burung-burung di sini dengan rasa penuh merdeka. Ingin mencium bau laiang terbakar selepas hujan. Dan... dan kalau ditakdirkan Tuhan aku akan mati oleh kedunguan ini di sini, aku tetap penuh rela. Aku... aku tak mahu lari lagi.

**NIRAH:** Dalam keadaan lain, logiknya lain — 'kan kaukatak begitu? Logik Musir lain!

**ZAHDI:** *(Memandangi Nirah tepat)* Kau telah sempat menukarkan erti kata-kata 'logika'ku itu. Aku tak mahu gunakan kamusku lagi. Dalam situasi begini aku terima makna logikamu. Aku tak lagi hidup di bumi dijajah, Nirah. *(Terhenti, memandangi Nirah, Razif dan Lotoh).* Di bumi merdeka yang bermaruah, kita tak sepatutnya diancam oleh kedunguan dan balas dendam yang liar.

**RAZIF:** Itu katamu....

**ZAHDI:** Aku tak mahu lagi hidup dalam nista, aku juga tak bisa lagi hidup dalam kedunguan dendam.

**NIRAH:** Itu katamu, katamu....

**LOTOH:** Dia datang bawa kapak!

**ZAHDI:** Aku tunggu di sini sebagai anak jantan. Ini perlawananku. Aku sedia hadapi segala — betapa lahap pun mereka! *(Kepada LOTOH)* Pergi Lotoh. Beritahu kalian itu, aku hadapi segala risiko. *(Kepada NIRAH)* Kau jangan bimbang, Nirah. Kau tahu 'kan: Berpantang maut sebelum ajal? *(Kepada RAZIF)* Sekali-sekali, kita memang patut menjadi ayam jantan yang nekad. Ini perlawananku. *(Kepada LOTOH)* Ayuh, Lotoh. Pergi sampaikan berita yang memang mereka tagih itu.

**NIRAH:** *(Memandangi ZAHDI, kepada LOTOH)* Beritahu... beritahu Musir aku juga tunggu di sini.

**ZAHDI:** *(Meremungi NIRAH sedikit gusar)* Ini bukan perlawananmu, Nirah. Ini antara aku dengan Musir.

**RAZIF:** Antara kedunguan dengan kedunguan.

**NIRAH:** *(Kepada LOTOH)* Pergi Lotoh, beritahu aku juga tunggu di sini.

*(Lotoh teragak-agak, memandangi NIRAH, ZAHDI dan RAZIF dan ke atas sebelum keluar. Sebentar kemudian terdengar hanya suara MUSIR menyebut: "Bappa, bappa!" Dan di tengah-tengah jeritan "Bappa, bappa!" itu berbaur pula suara beberapa orang lain meneriak: "Hei jangan, jangan. Sabar.", "Tak peduli, tak peduli — ini hutang darah!" "Semua akan berakhir — mesti ada kepuasan!" dan "Jangan, jangan!" Jeritan, tangisan dan rayuan sama-sama sampai ke puncak. Api padam perlahan-lahan. Pentas gelitu sejenak. Terdengar bunyi dua das tembakan. Suara NIRAH: "Aku percaya segala-galanya sesia." Kemudian suara BANDING: "Aku harap segala-galanya bererti."*

